

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MEMBENTANGKAN RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) (NO. 2) 1984

TEMPAT: DEWAN RAKYAT, PARLIMEN

TARIKH: 19 MAR 1984

MASA:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mohon mencadangkan iaitu satu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi mengadakan peruntukan mengenai penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dan bagi membuat pindaan-pindaan lain kepada Perlembagaan Persekutuan, dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

2. Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984 ini adalah dibahagikan kepada 3 bahagian. Bahagian pertama adalah mengenai perkara-perkara berhubung dengan penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan. Bahagian kedua adalah mengenai pindaan-pindaan yang perlu kepada Perlembagaan Persekutuan bagi melaksanakan penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan. Dan bahagian ketiga adalah berkaitan dengan beberapa pindaan lain kepada Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Sebagaimana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah telah mencapai persetujuan bagi menjadikan Pulau Labuan dan pulau-pulau di bawah pentadbirannya sebagai Wilayah Persekutuan. Wilayah ini akan ditadbirkan sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan. Tujuan utama menjadikan Pulau Labuan sebagai Wilayah Persekutuan adalah untuk memesatkan lagi pembangunan pulau itu. Pulau Labuan mempunyai potensi yang besar untuk berkembang sebagai sebuah kawasan pelancungan dan pusat bagi persidangan rantau dan antarabangsa. Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk mengambilalih usaha bagi mencorak dan memesatkan lagi pembangunan Pulau Labuan agar usaha-usaha pembangunan dapat dijalankan dengan teratur dan menjadi contoh daya penggerak kepada pembangunan di rantau itu. Memandangkan jauhnya jarak yang memisahkan Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak, langkah ini akan menjadikan Pulau Labuan sebagai lambang mendekatkan lagi Kerajaan Persekutuan ke negeri-negeri itu. Saya percaya langkah ini dapat mengeratkan lagi hubungan Kerajaan Persekutuan dengan negeri-negeri tersebut serta mempertingkatkan proses integrasi negara.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Penubuhan Wilayah Persekutuan yang baru ini merupakan satu lagi peristiwa yang bersejarah bagi Malaysia. Saya suka melahirkan rasa penghargaan penuh Kerajaan Persekutuan di atas pandangan jauh serta kemurahan hati Kerajaan Negeri Sabah kerana bersetuju menyerahkan Pulau Labuan untuk dijadikan sebagai Wilayah Persekutuan.

5. Penyerahan Pulau Labuan kepada Kerajaan Persekutuan tidak melibatkan apa-apa bayaran pampasan atau ganti rugi kepada Kerajaan Negeri Sabah. Apa yang diminta oleh Kerajaan Negeri ialah supaya bangunan 'Sri Labuan' yang ada di pulau itu serta tanah yang menjadi tapak dan kawasan bangunan itu akan terus kekal menjadi hakmilik Kerajaan Negeri Sabah sebagai rumah rehat Kerajaan Negeri. Kerajaan Persekutuan telah memberi persetujuan terhadap permintaan itu.

6. Kerajaan Persekutuan akan meneruskan segala usaha pembangunan yang sedang dijalankan di Labuan oleh Kerajaan Negeri serta menambahkan lagi kemudahan infrastrukturnya. Sejajar dengan cita-cita ini, Kerajaan juga akan berusaha memperkukuhkan lagi peranan Pulau Labuan sebagai sebuah pelabuhan bebas cukai dan seterusnya sebagai pusat perdagangan entrepot bagi rantau ASEAN. Usaha ke arah mencapai matlamat ini dijangka akan memusatkan pertumbuhannya dengan perubahan struktur dan pembentukan ekonomi moden yang membuka banyak peluang pekerjaan dalam kegiatan-kegiatan yang produktif. Semuanya ini akan mendatangkan faedah kepada rakyat Malaysia, terutama sekali rakyat di rantau tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Sebagaimana Kuala Lumpur dijadikan Wilayah Persekutuan dahulu, perubahan kedudukan Pulau Labuan sebagai Wilayah Persekutuan bermakna juga pemindahan kuasa dan bidang-bidang kuasa yang lengkap ke atas Pulau Labuan daripada Kerajaan Negeri Sabah kepada Kerajaan Persekutuan. Ini diperuntukkan dalam fasal-fasal 3,4,5 dan 9 dalam Bahagian I Rang Undang-Undang ini. Beberapa pindaan kepada Perlembagaan yang terkandung dalam Bahagian II serta Jadual kepada Rang Undang-Undang ini juga memperuntukkan perkara-perkara yang berkaitan, serta yang berbangkit dari langkah-langkah untuk menjadikan Pulau Labuan sebagai Wilayah Persekutuan.

8. Dalam hal ini, Kerajaan akan memberi keutamaan agar pemindahan kuasa dan bidangkuasa tersebut tidak akan menimbulkan apa-apa gangguan dalam pentadbiran harian Pulau Labuan ataupun kesulitan kepada penduduknya. Beberapa peruntukan telah diadakan dalam Undang-undang ini bagi menjamin agar masalah seumpama ini tidak akan timbul. Antara peruntukan-peruntukan ini adalah:-

a. Fasal 6 yang memperuntukkan agar apa-apa undang-undang yang sedia terpakai di Pulau Labuan,

melainkan Perlembagaan Negeri, terus berkuatkuasa selepas ianya menjadi Wilayah Persekutuan sehinggalah undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen berkuatkuasa;

b. Fasal 8 yang membolehkan supaya pentadbiran Pulau Labuan diteruskan sebagai Majlis Perbandaran serta juga sebagai pelabuhan bebas cukai;

c. Fasal 17 yang membolehkan penggunaan bahasa peribumi di Mahkamah Anak Negeri (Native Courts) diteruskan;

d. Fasal 19 yang mengekalkan hak kemasukan penduduk-penduduk asal Labuan ke Sabah dan pemastautin mereka di negeri itu.

9. Saya juga suka memaklumkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa sebuah Jawatankuasa Peringkat Pegawai yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara telah ditubuhkan oleh Kerajaan untuk menyelaraskan segala tindakan pentadbiran bagi memastikan supaya tidak timbul apa-apa masalah kelak. Jawatankuasa ini juga sedang menyelaraskan tindakan bagi menyerap pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan Negeri Sabah yang berkhidmat di Pulau Labuan pada masa ini untuk membolehkan mereka terus menyumbangkan khidmat mereka apabila Labuan menjadi Wilayah Persekutuan.

10. Selain daripada itu, saya ingin juga menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa peruntukan telah juga diadakan dalam Fasal 15 Rang Undang-undang supaya seseorang Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri Sabah yang kawasan pilihanrayanya sekarang ini meliputi Pulau Labuan, akan terus menduduki kerusinya selepas penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan sehingga Parlimen ataupun Dewan Undangan Negeri Sabah dibubarkan. Ulangkaji persempadanan kawasan pilihanraya yang sedang dijalankan pada masa ini akan memperuntukkan satu bahagian pilihanraya Parlimen diwujudkan untuk Wilayah Persekutuan Labuan tanpa menjejaskan jumlah bilangan bahagian pilihanraya Parlimen Sabah sekarang. Ulangkaji tersebut juga akan membuat peruntukan supaya bilangan bahagian-bahagian pilihanraya Negeri Sabah akan tetap sama bilangannya seperti sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua,

11. Berhubung dengan penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan, beberapa kemusykilan telah ditimbulkan oleh pihak-pihak tertentu mengenai hak rakyat Sabah, dan samada satu pungutan suara telah diadakan di Sabah. Soalan seumpama ini tidak seharusnya timbul kerana sebenarnya tidak terjadi kehilangan hak bagi sesiapa pun. Semasa Kuala Lumpur dicadang menjadi Wilayah Persekutuan dahulu, pungutan suara tidak pernah diadakan. Setelah Kuala Lumpur menjadi Wilayah Persekutuan tidak ada sesiapa yang kehilangan hak. Sebagaimana yang telah saya tegaskan di Persidangan Dewan ini yang lalu, rakyat Sabah samada di tanah besar Sabah atau di Pulau Labuan adalah juga rakyat Malaysia yang mempunyai hak yang sama dengan semua rakyat Malaysia. Telah juga saya nyatakan tadi bahawa perubahan kedudukan Pulau Labuan sebagai Wilayah

Persekutuan adalah bertujuan bagi memperkukuhkan lagi hubungan yang telah terjalin antara Kerajaan Persekutuan dengan Negeri Sabah. Apa-apa kemajuan yang tercapai di pulau tersebut adalah untuk dinikmati oleh semua rakyat Malaysia, apatah lagi rakyat Malaysia di Sabah yang berhampiran sekali dengannya.

12. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis Raja-Raja dalam mesyuaratnya yang lalu telah pun bersetuju dengan penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan dan cadangan undang-undang Persekutuan untuk maksud ini. Dewan Undangan Negeri Sabah dalam mesyuaratnya baru-baru ini juga telah meluluskan Undang-undang Negeri berkaitan dengan perkara ini. Pendek kata, kesemua kehendak Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan telah dipenuhi.

Tuan Yang di-Pertua,

13. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan beberapa pindaan kepada peruntukan-peruntukan tertentu yang lain dalam Perlembagaan Persekutuan.

14. Di antara pindaan-pindaan yang dicadangkan itu, saya ingin menjelaskan sedikit mengenai cadangan pindaan kepada Perkara 55 dan Perkara 113(2).

15. Adalah dicadangkan supaya Perkara 55 dipinda dengan mengadakan Fasal (5), (6) dan (7) yang baru di bawah Perkara tersebut bagi menentukan supaya rang undang-undang yang belum selesai dibahas dalam Parlimen tidak luput pada waktu penggal Parlimen diberhentikan (prorogued) dan supaya rang undang-undang yang menunggu pertimbangan semula oleh Parlimen menurut Fasal (4A) Perkara 66, atau yang menunggu persetujuan Yang di-Pertuan Agong di bawah Fasal (4)(a) atau Fasal (4A) Perkara 66, tidak terluput disebabkan Parlimen diberhenti atau dibubarkan.

16. Pindaan kepada Perkara 113 pula adalah:-

- a. untuk membolehkan Suruhanjaya Pilihanraya memulakan urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya pada bila-bila masa selepas genap 8 tahun daripada tarikh berakhirnya urusan persempadanan semula yang lepas. Urusan persempadanan itu hendaklah diselesaikan dalam tempoh 2 tahun daripada tarikh ianya dimulakan;
- b. untuk membolehkan Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan persempadanan semula sementara (an interim review of constituencies) apabila jumlah keanggotaan Dewan Rakyat atau mana-mana Dewan Undangan Negeri diubah. Persempadanan semula ini akan hanya meliputi kawasan yang terlibat dengan perubahan dan tidak akan mengubah tempoh minima 8 tahun yang ditetapkan di antara dua persempadanan semula (the general review). Urusan persempadanan semula sementara ini hendaklah diselesaikan dalam tempoh dua tahun daripada tarikh berkuatkuasanya undang-undang yang mengubah keanggotaan Dewan Rakyat ataupun Dewan-Dewan Undangan Negeri.

Persempadanan semula sementara ini akan dijalankan mengikut Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan;

c. memperuntukkan tarikh-tarikh permulaan dan berakhirnya sesuatu urusan persempadanan semula bagi memastikan supaya tempoh-tempoh yang disyaratkan akan dikira dengan tepat.

17. Di samping itu, adalah perlu diadakan satu peruntukan sementara (transitional provision) bagi membolehkan Suruhanjaya Pilihanraya menyelaraskan secara sah urusan persempadanan semula yang sedang berjalan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua,

18. Cadangan pindaan kepada Perkara-Perkara yang lain tidaklah perlu saya jelaskan oleh kerana telah sedia terkandung dalam Huraian kepada Rang Undang-Undang. Pindaan-pindaan tersebut adalah bertujuan untuk mengemaskinikan beberapa peruntukan tertentu selaras dengan kehendak pembangunan dan kemajuan negara.

Tuan Yang di-Pertua,

19. Saya mohon mencadangkan.